GEQAU

Buletin Hospital Melaka

BILANGAN 2

MAC - MEI 2015

SELAMAT HARI JURURAWAT



SELAMAT HARI IBU



SELAMAT HARI BAPA



SELAMAT MENYAMBUT RAMADAN AL-MUBARAK



ARTIKEL BULETIN INI BOLEH DI CAPAI DI LAMAN SESAWANG HOSPITAL MELAKA

http://hmelaka.moh.gov.my

MAJLIS AMANAT
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Mesyuarat Khas Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) Bil.1/2015 telah diadakan pada 1-2 Mac 2015 di Melaka. Salah satu pengisian program semasa mesyuarat tersebut adalah sesi perjumpaan Ketua Pengarah Kesihatan bersama anggota Jabatan Kesihatan Negeri Melaka yang diadakan pada 02 Mac 2015 (Isnin) bertempat di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka. Selain daripada penyampaian amanat oleh Ketua Pengarah Kesihatan, program lain yang turut diadakan semasa sesi ini adalah seperti berikut:

i) Pelancaran Buku "When you encounter these 10 SEVERE SKIN CONDITIONS...?",
ii) Penganugerahan Persijilan HACCP – Sistem Jaminan Keselamatan Makanan untuk Dapur Hospital Melaka;
iii) Pengiktirafan BeSS (Bersih, Selamat dan Sihat) kepada Kafeteria Hospital Melaka
iv) Sesi dialog





PROGRAM JALINAN HARAPAN
SUKARELAWAN HOSPITAL



Kelab Sukarelawan Sahabat Belia Negeri Melaka dengan kerjasama Hospital Melaka telah mengadakan Program Jalinan Harapan Sukarelawan Hospital Fasa I Tahun 2015 pada 15 April 2015, sempena sambutan ulangtahun pengisyhtiharaan melaka sebagai bandaraya bersejarah.Program ini dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Norpipah binti Abdol iaitu Timbalan Exco Pembangunan Belia dan Warisan Negeri Melaka yang telah menyampaikan hamper kepada golongan belia yang memerlukan dan bayi yang lahir pada hari tersebut. Program ini telah merapatkan silaturahim antara satu sama lain dan mewujudkan rasa tanggungjawab belia terhadap golongan yang memerlukan.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
DATUK DR ZA'ABA BIN BABA

PENASIHAT
DR. ABDUL RAOF BIN JAAFAR

KETUA EDITOR
DR (MR) ABDUL RAZAK BIN AHMAD

PENOLONG KETUA EDITOR
PN. SURIYA BINTI HASAN

EDITOR
DR. THEVI THANIGASALAM
DR. SHARIFAH OMAR
PN. JULIA BINTI SAMSUDIN
PN. SURIAH BINTI RAHIM
EN MOHD SANI BIN MOKHTAR
DR. AINNUR KAMAL
PN. HASIMAH MAMAT
EN. KHAIRIZAN B. HASHIM
PN. VILASINI A/P NARAYANAN
EN. ROSLI B. ADAM
PN. NUR FADHILAH MOHAMAD
PN. AZIZAH MOHD ISA
EN. MOHD. ZAIDI B. MOHD. ZAINI
PN. SYUHAIDAH BINTI ATAN

URUSETIA
CIK IZYAN NADIAH
EN. AMIN MAHZAN AHMAD
EN. HAIZAT JAHIM

Artikel yang tersiar dalam buletin ini tidak semestinya mengambarkan pandangan Hospital Melaka sepenuhnya. Kami mengalukan kritikan membina dan hasil kreatif anda. Alamatkan kepada :

Pejabat Urusetia
Unit Pendidikan Pesakit
Hospital Melaka,
Jalan Mufti Hj. Khalil,
75400 Melaka.

Tel : 06 - 282 2344
Fax : 06 - 284 1590

email: bulitengeqauhm@moh.gov.my

DARI MINDA KETUA EDITOR



Assalamualaikum dan Selamat sejahtera.....

Bertemu kita kembali dalam edisi ke 2 Buletin Geqau Hospital Melaka.

Bersyukut kepada Illahi kerana kita masih diberikan kudratnya untuk memberi perkhidmatan di Hospital Melaka.

Buletin kali ini memaparkan aktiviti yang berlaku sepanjang bulan Mac hingga Mei 2015. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut seperti Hari Tibi, Maulidur Rasul dan Kawalan Denggi. Dalam merialisasikan hasrat hospital kita sebagai Pusat Kecemerlangan Serantau, kepuasan pelanggan sentiasa diutamakan. Pelanggan merupakan aset utama kita dalam menentukan kejayaan sebuah organisasi. Sehubungan dengan itu, kami juga memperkenalkan beberapa platform.

Dengan penghasilan buletin ini jelas menunjukkan semangat kerjasama dan profesionalisme semua AJK. Saya amat berterima kasih atas semua pengetahuan, sumbangan artikel dari semua pihak.

Akhir kata saya ingin akhiri dengan serangkap pantun:

Kacip Fatima sedap dimakan
Diulam bersama sirih pinang
Matlamat kecemerlangan sentiasa diutamakan
Moga Hospital Melaka sentiasa gemilang

Sekian

MR (DR) HJ ABD RAZAK BIN AHMAD
Ketua Editor

SEKAPUR SIREH, SEULAS PINANG
PENGARAH HOSPITAL



Assalammualaikum w.b.t
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Alhamdulillah Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya saya diberi kesempatan untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam ruangan ini.

Sekalung ucapan tahniah dan syabas saya rakamkan buat Sidang Redaksi di atas komitmen yang baik dalam menerbitkan Buletin Geqau kali kedua. Bagi pihak Hospital Melaka, segala usaha murni dan sumbangan semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini amatlah dihargai.

Dalam usaha kita meningkatan kualiti perkhidmatan Hospital Melaka, budaya kerja cemerlang dan berprestasi tinggi perlu diberi keutamaan dalam menghasilkan impak yang mampu melepasi standard piawaian. Maka dengan itu, warga Hospital Melaka hendaklah memastikan hala tuju dan sasaran kerja tahunan yang telah ditetapkan di laksanakan untuk memastikan pencapaian yang cemerlang dalam kualiti perkhidmatan Hospital Melaka.

Dengan ini juga, sempena bulan Mei saya ingin mengucapkan Selamat Hari Ibu dan Selamat Hari Jururawat. Akhir kata, sekali lagi saya ingin menekankan agar semua warga Hospital Melaka meneruskan kecemerlangan sedia ada dengan berpaksikan kepada 3 nilai teras Budaya Korporat KKM iaitu Penyayang, Profesionalisme dan Kerja Berpasukan.

Saya amat berharap agar segala cabaran mendatang dapat dihadapi dengan ketabahan dan keyakinan serta sentiasa mendukung Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.



Datuk Dr. Hj. Za'aba bin Baba DSPM
Pengarah Hospital Melaka

TAHUKAH ANDA ?
KOSMETIK BERACUN

Tahukah Anda
Kosmetik Yang Mengandungi Racun?

SF Protect & Perfect Day Cream telah dikesan mengandungi kandungan **merkuri** yang tinggi dan dilarang dalam produk kosmetik. Oleh itu, produk tersebut kini tidak lagi dibenarkan dijual di Malaysia

Pendedahan merkuri yang tinggi dalam tubuh badan boleh mengakibatkan kerosakan pada buah pinggang dan saraf. Selain itu, ia juga boleh mengganggu pertumbahan sel-sel otak bayi dalam kandungan dan kanak-kanak. Merkuri boleh memasuki badan melalui saluran pernafasan. Kanak-kanak juga dengan tidak sengaja boleh termakan produk kosmetik yang mengandungi merkuri yang terdapat pada ibu mereka.

Penggunaan produk yang mengandungi merkuri juga boleh menyebabkan alahan pada kulit seperti ruam dan ketidaksele-

Sesiapa yang masih memiliki produk tersebut dinasihatkan untuk memberhentikan penjualan, pengedaran dan penggunaan. Mana-mana penjual yang ditemui memiliki produk tersebut boleh dijatuhkan hukuman di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik.

SF Protect & Perfect Day Cream
- No. Notifikasi: **NOT130604475K**
- Nama Pemegang Notifikasi Produk: **SF Infinity Resources**
- Racun Berjadual yang dikesan: **Merkuri**
- Nama Pengeluar: **Sireh Emas Marketing Sdn. Bhd. Malaysia**

Produk kosmetik lain yang didapati mempunyai merkuri:
1) Hans Beauty Flawless Day Cream
2) Hans Beauty Flawless Night Cream
3) AS Beauty Night & Day Cream

Pengguna yang mengalami alahan selepas penggunaan produk ini dinasihatkan agar segera mendapatkan rawatan dan membuat aduan di Hospital/Klinik Kesihatan yang berdekatan dengan anda.

Untuk maklumat lanjut , sila layari laman portal rasmi farmasi:

- http://jknmlaka.moh.gov.my
- http://portal.bpfk.gov.my/index.cfm

Sila klik 'Like' Facebook "Sahabat Farmasi"







Rujukan:
1. Direktif untuk semua produk yang mengandungi Topiramate: Amaran berkaitan risiko gangguan penglihatan. http://portal.bpfk.gov.my/newsmaster.cfm?&menuid=52&action=view&retrieveid=484#sthash.PXnav4t4.dpuf
2. SF PROTECT & PERFECT DAY CREAM: PRODUK KOSMETIK YANG DIKESAN MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL. http://portal.bpfk.gov.my/newsmaster.cfm?&menuid=52&action=view&retrieveid=470#sthash.ghsusle6.dpuf

PERSARAAN PEGAWAI
HOSPITAL MELAKA

SENARAI NAMA PEGAWAI YANG BERSARA WAJIB / PILIHAN BAGI TAHUN 2015

- DATUK DR. ROSHIDAH BINTI BABA (PAKAR PERUBATAN GRED KHAS A VK 5)
- SABIAH BINTI ABU (JURURAWAT GRED U32 KUP)
- TAN SOOK NGO (PENOLONG PEGAWAI FARMASI GRED U32)
- MISNI BINTI KHALIL (JURURAWAT GRED U29)
- SARIPAH NOORASAKIN BT SYED BAKRI (PEMBANTU TADBIR (REKOD) GERD N17)
- JAWAR BIN MAT ZAN (JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN GRED U40)
- RAMLAH BINTI AMAN (JURURAWAT GRED U32)
- JAMILAH BINTI RAHMAD (JURURAWAT GRED U32 KUP)
- LIM YOCK ENG (JURURAWAT GRED U29)
- CHANDRA A/P MUNIANDY (PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN U12 KUP)
- ABD RASIP BIN ALI (PEMANDU KENDERAAN GRED R6 KUP)
- MOHD SAID BIN SULAIMAN (PENOLONG PEGAWAI FARMASI GRED U36)
- HAW SEE (JURURAWAT GRED U32)
- SALMIAH BINTI SALIM (JURURAWAT GRED U32 KUP)
- WONG FONG SIN (JURURAWAT GRED U29)
- MD. SALLEH BIN MAJID (PEMBANTU TADBIR GRED N17)

BERWASPADA
SUDUT ICT



VIRTUAL
LIBRARY

VIRTUAL LIBRARY
Perpustakaan Kementerian Kesihatan Malaysia

Virtual Library KKM

http://vlib.moh.gov.my

Satu pusat portal informasi untuk capaian maklumat dan pengetahuan dalam bidang perubatan, saintifik dan displin teknikal.

Mekanisme perkongsian sumber elektronik seperti e-jurnal, e-buku dan pengkalan data rujukan untuk perkembangan kerjaya dan maklumat perubatan terkini.

V-Lib mengandungi komponen seperti berikut :

- **Pengkalan data atas talian (Online)**
  Mengandungi data kepada jutaan bahan rujukan dan artikel yang diterbitkan dalam bidang perubatan.
- **Garis Panduan Amalan Klinikal (CPG)**
  Mengandungi saranan dalam pengurusan amalan klinikal
- **Rujukan Penilaian Kecekapan (CAR)**
  Mengandungi garis panduan untuk penilaian kecekapan dalam bidang kesihatan
- **Terbitan tempatan**
  Rujukan untuk artikel atau dokumen dalam bidang kesihatan yang diterbitkan dalam Malaysia
- **Pengkalan data dalamanan**
  Pengkalan data rujukan kepada artikel atau dokumen yang dikumpulkan dari seluruh perpustakaan KKM.

Borang permohonan pendaftaran ahli Virtual Library boleh dimuat turun melalui laman web **http://hmelaka.moh.gov.my/** dan dihantar terus ke Perpustakaan Perubatan Hospital Melaka.

Perpustakaan Perubatan Hospital Melaka
06-2892396





PROFESYEN
JURUPULIH HOSPITAL MELAKA

JURUPULIH CARAKERJA, JURUPULIH ANGGOTA DAN JURUPULIH PERTUTURAN

Jurupulih carakerja, Jurupulih anggota dan Jurupulih pertuturan adalah dibawah perawatan Pemulihan (Rehabilitasi), dimana rawatan Pemulihan bertujuan untuk mengembalikan semula pesakit berfungsi dalam kehidupan. Peranan yang dimainkan adalah berbeza dan pemahaman yang baik akan peranan yang dijalankan akan membantu dalam mengetahui peranan setiap profession:

JURUPULIH PERTUTURAN

Jurupulih pertuturan berkerja rapat dengan bayi, kanak-kanak dan orang dewasa yang mengalami masaalah percakapan, bahasa dan komunikasi dan mereka yang mengalami masaalah dalam menelan makanan dan air.

Tugas sebagai Jurupulih Pertuturan berkait rapat dengan kondisi pesakit yang dirujuk, ini termasuklah mereka yang mengalami masaalah fizikal, pembelajaran, pendengaran dan masaalah dementie pada pesakit warga emas/Geriatric.

Jurupulih Pertuturan melakukan penilaian pada pesakit untuk mengetahui keperluan pesakit sebelum merangka plan rawatan tertentu untuk pesakit tersebut bagi mengembalikan semula kefungsian dari aspek pertuturan, percakapan dan penelanan ketahap semaksima yang mungkin.

Plan rawatan yang dirangka seringkali akan melibatkan orang lain yang rapat dengan pesakit contohnya keluarga, rakan sepejabat , guru dan sebagainya.
Jurupulih Pertuturan adalah sebahagian dari multidisciplinary team, yang berkerja bersama professional lain saperti:

- doctors;
- nurses;
- psychologists;
- physiotherapists;
- occupational therapists.

Jurupulih pertuturan juga bekerja bersama dengan profession didalam pelajaran dan kebajikan.

JURUPULIH ANGGOTA

Jurupulih Anggota membantu pesakit yang mengalami masalah fizikal disebabkan oleh penyakit, kecederaan , kecacatan atau ketuaan.

Pesakit terdiri dari pelbagai perengkat umur saperti kanak-kanak, warga emas,pesakit stroke dan mereka yang terlibat dalam kecederaan kerana bersukan.

Jurupulih anggota akan menjalankan pemulihan untuk mengenal pasti masaalah yang dihadapi pesakit dan menjalankan pemulihan bagi meningkatkan kefungsian sistem badan secara khususnya seperti otot dan saraf (neuromuscular), otot dan rangka (musculoskeleta), jantung (cardiovascular) dan sistem pernafasan (respiratory system).

Program perawatan pemulihan yang diberi adalah terdiri dari terapi secara manual , pemulihan untuk mencapai pergerakan penuh (movement therapy), melalui latihan yang dirangka (therapeutic exercise) dan menggunakan peralatan yang berteknologi saperti ultrasound dan sebagainya.

Pesakit juga akan diberikan nasihat untuk mengelakan kecederaan dan bagaimana cara mengatasi kesan kecederaan yang dihadapi pada jangka masa panjang.

JURUPULIH CARAKERJA

Jurupulih Carakerja membantu pesakit mencapai kefungsian maksima dalam kehidupan dan mengembalikan semula kehidupan yang bermakna pada pesakit. Jurupulih Carakerja menjalankan pemulihan pada pesakit yang mengalami keganguan pada fizikal dan psychological. Peskit yang dijalankan pemulihan terdiri dari pelbagai peringkat umur, dari bayi sahingga ke warga emas.Dan terdiri dari pelbagai diagnosa saperti pada mereka yang mengalami masaalah disebabkan oleh faktor keturunan, kecederaan atau disebabkan oleh ketuaan.

Bidang yang dinilai dan dijalankan aktiviti pemulihan adalah kebolehan kefungsian didalam kehidupan seharian (ADL), pekerjaan/ persekolahan dan pergaulan dengan masyarakat dan hobby (leisure) dan kemampuan dalam pegerakan (mobility).

Pemulihan yang dijalankan akan melibatkan proses penilaian , merangka plan rawatan , penilaian semula pencapaian rawatan yang dijalankan dan menjalankan latihan di Unit Pemulihan Carakerja dan dirumah (pesakit akan dibekalkan dengan latihan yang perlu dijalankan dirumah). Rawatan yang diberikan bertujuan untuk untuk meningkatkan keupayaan atau mempertahankan/maintain kebolehan fizikal, kognitif, pemikira, perasaan (emotional) dan keupayaan bersosial pesakit.

Aktiviti yang dijalankan oleh pesakit akan dinilai bagi menentukan kebolehan pesakit dan keperluan untuk menukar cara bekerja dan pengubahsuaian peralatan di rumah, sekolah, tempat kerja bagi membolehkan pesakit melakukan sendiri/ berdikari dalam melakukan aktiviti harian mereka.

SERAT & ANDA
PENJAGAAN KESIHATAN

TAMBAH SERAT, ANDA BERTAMBAH SIHAT

....Diri Anda Ialah Apa Yang Anda Makan....

Kekurangan mengambil serat di dalam pengambilan makanan adalah faktor yang meningkatkan risiko penyakit. Mengikut Garis Panduan Diet Malaysia (2010), saranan pengambilan serat adalah antara 20g hingga 30g sehari. Kajian mengenai pengambilan serat di kalangan rakyat Malaysia dewasa masih di tahap rendah iatu sekitar 13g hingga 16g sehari.

Merujuk American Association of Cereal Chemist (AACC), serat makanan @"dietary fibre" merupakan bahagian tumbuhan yang tidak boleh dihadam oleh enzim-enzim pencernaan.

Fungsi utama serat makanan adalah membantu pemperlancarkan proses pencernaan makanan di dalam usus

Serat Larut (Soluble Fiber)

- Adalah serat makanan yang larut dalam air. Serat larut menarik air dan membentuk gel, yang akan melambatkan pencernaan serta pengosongan perut. Membuatkan rasa kenyang dan membantu dalam pengurusan berat badan.
- Pengosongan perut yang lambat juga dapat mempengaruhi kadar gula darah dan memberi kesan pada sensitiviti insulin dalam mengawal diabetes.
- Serat larut juga dapat membantu menurunkan kolesterol LDL darah. Oleh itu serat larut dapat membantu mencegah penyakit jantung.

Serat Tidak Larut (Insoluble Fiber)

- Adalah serat makanan yang tidak larut dalam air. Dianggap sebagi serat yang menyihatkan usu kerana membantu mengurangkan masalah sembelit serta cirit birit.
- Serat tidak larut membantu menghilangkan toksin (racun) dari usus besar, serta mengurangkan risiko kanser usus besar kerana ianya membantu mempertahankan pH usus.

Sumber Serat

"Soluble Fiber"



Oat Barli Flaxseeds



"Insoluble Fiber"



Bayam Anggur Brokoli

BERITA BERGAMBAR



Jawatankuasa kursus Traditional & Complimentary Medcine



Lawatan Hospital Kluster Jabata
kesihatan Negeri Terengganu



Antara pemenang Program karaoke peringkat Hospital Melaka



Barisan peserta Kursus Softskill anjuran Ja
Softskill Hospital Melaka



Lawatan Hospital Kluster dari Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu



Para Jururawat bergaya di Majlis Makan
Sempena Hari Jururawat



n



Bergambar bersama Penolong Pegawai Perubatan Penempatan Wajib bil. 1/15 dimajlis Perhimpunan Bulanan Hospital Melaka



Penyerahan cenderamata kepada Dr Shahrom semasa kursus Traditional & Complimentary Medcine



watankuasa



Antara barisan peserta program karaoke perigkat Hospital Melaka



Antara barisan staf bergambar bersama Pengarah Hospital Melaka di Institut Aminudin Baki, Genting Highland



Malam



Lawatan pelajar Sekolah Menengah Agama Sultan Muhammad ke Wad Ortopedik



Barisan staf baru sedang mengangakat ikrar " Aku Janji "

AKTIVITI KURSUS
PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN

Oleh : Fazlinda Taher

KURSUS PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN (PPK) DAN IMAGING

02.04.2015- Kursus Pembantu Perawatan Kesihatan Hospital Melaka telah dianjurkan oleh Jabatan Pengimejan Diagnostik Hospital Melaka. Bertempat di Bilik Seminar MRI dan melibatkan seramai 55 orang PPK (Pembantu Perawatan Kesihatan) dari klinik dan wad Hospital Melaka .

Objektif utama kursus ini adalah untuk mengukuhkan pengetahuan mengenai tugas-tugas PPK mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Objektif khusus ialah :

1. Memberi pengetahuan dan makluman terkini berkaitan prosedur kerja PPK di Jabatan Pengimejan Diagnostik Hospital Melaka (JPDHM)
2. Memberi pendedahan tentang bahaya radiasi dan bahan kimia di JPDHM
3. Memberi penerangan mengenai pemprosesan filem dan modaliti terbaru X-ray

Kursus yang mengambil masa selama satu hari ini dan telah diisi dengan pelbagai ceramah meliputi tugas-tugas PPK di JPDHM, prosedur " tracer dan dispatch" , filem X ray,pengenalan kepada modaliti x-ray seperti fungsi kaset dan filem x-ray ,mesin prossesor dan cara pemprosesan filem serta penggunaan "Computer radiografi" (CR) dan pemeriksaan x-ray mudah gerak.



AJK YANG TERLIBAT DALAM KURSUS PPK



SERAMAI 55 ORANG PPK YANG HADIR



PESERTA DI BERI PENERANGAN TENTANG MODALITI X-RAY

LAWATAN KEBAJIKAN KE HOSPITAL MELAKA
SEMPENA PERINGATAN HARI POLIS KE 208/2015

Selain dari program derma darah yang diadakan pada 14 April 2015, lawatan kebajikan pesakit diHospital Melaka telah diadakan pada 23 April 2015. Hamper telah disampaikan oleh Ketua Polis Melaka YBhg. DCP Dato' Chuah Ghee Lye.










KAWALAN AEDES
AKTIVITI GOTONG ROYONG

KAWALAN DENGGI HOSPITAL MELAKA

Unit Kesihatan Awam berperanan memastikan aktiviti kawalan Aedes dijalankan dengan baik dan berkesan di Hospital Melaka. Antara langkah kawalan yang dilaksanakan di Hospital Melaka ialah aktiviti *Ovitrap*; iaitu memantau kepadatan nyamuk dewasa dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Melaka Tengah dan Cawangan Penyakit Bawaan Vektor Negeri Melaka. Aktiviti ini disusuli dengan semburan ruang thermal dan gotong-royong apabila kepadatan nyamuk melebihi dari indeks (standard) yang ditetapkan. Fokus utama gotong-royong ialah mencari dan memusnah tempat yang berpotensi untuk pembiakan nyamuk aedes di seluruh kawasan Hospital Melaka dengan penglibatan kakitangan hospital dan juga Jawatan Kuasa Program Bebas Denggi Di Kemudahan Kesihatan (PBDKK) yang telah diwujudkan semenjak tahun 2008. Jawatan kuasa yang dilantik b erkerjasama dalam memantau dan melaksanakan aktiviti kawalan di 11 zon di dalam hospital Melaka setiap bulan.

Pihak syarikat konsesi Pantai Medivest telah dipertanggungjawabkan sepenuhnya dalam melaksanakan kawalan nyamuk dewasa dan jentik jentik. Kawalan ini dipantau secara teknikal oleh Unit Kesihatan Awam. Kawalan jentik jentik dilakukan secara berkala setiap 10 hari dan dibantu dengan program gotong royong empat kali setahun. Keberkesanan aktiviti ini dapat dilihat apabila kepadatan nyamuk berkurangan dan tiada kejadian jangkitan kes denggi di kalangan pesakit dan kakitangan di hospital Melaka. Dr Azhar bin Mohd Sali Timbalan Pengarah Kesihatan Awam menyatakan dalam ucapan beliau semasa gotong-royong bulan Mac 2015; harapan beliau aga r aktiviti kawalan ini dijalankan secara berterusan bagi memastikan kawasan Hospital Melaka bebas dari nyamuk Aedes. Ucapan tahniah kepada semua pihak dan kakitangan yang terlibat dalam menjayakan usaha ini.













HARI JURURAWAT
HOSPITAL MELAKA

Oleh : Hazila Safar

SAMBUTAN HARI JURURAWAT

Bahagian Kejururawatan Hospital Melaka telah menganjurkan majlis Sambutan Hari Jururawat peringkat Hospital Melaka pada 20/5/2015. Majlis ini di adakan sempena Hari Jururawat yang di sambut di seluruh Negara pada 12/5/2015 setiap tahun. Tema Hari Jururawat pada tahun ini adalah "Nurses : A Force For Change. Care Effective. Cost Effective. Improving Health And Well- Being."

Majlis telah dirasmikan Oleh Pengarah Hospital Melaka Datuk Dr. Za'aba bin Baba DSPM dengan kehadiran 250 orang jururawat dari pelbagai katagori. Turut sama memeriahkan majlis adalah jemputan khas dari Bahagian Kejururawatan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Pengetua Kolej Kejururawatan Melaka dan Ketua-ketua Jabatan Hospital Melaka. Majlis diserikan lagi dengan persembahan tarian menyambut tetamu, Nyanyian dari kumpulan koir Hospital, Ikrar Jururawat , acara memotong kek dan pulut kuning , persembahan multimedia dan penyampaian cenderahari kepada jururawat yang bersara dan akan bersara pada tahun 2015.

Dalam ucapan perasmian oleh Datuk Pengarah, beliau berharap agar Jururawat kompeten dan proaktif dalam menjalankan tugas perawatan demi memartabatkan kerjaya Kejururawatan di mata dunia.



JA SA
MU AK AN DI
KENANG SEHINGGA
KE HUJUNG NYAWA
ANDAI KAU RELA
BERKORBAN
DEMI ANAK
BANGSA...
DUHAI
JURU
RA
W
A
T







Oleh : Hazila Bte Safar (Ketua Jururawat aras A-3)

HARI JURURAWAT
PERINGKAT NEGERI MELAKA

Sambuta Hari Jururawat peringkat Negeri Melaka telah diadakan pada 22 Mei, 2015 bertempat di Audiotorium Sri Baiduri, Hospital Melaka. Sambutan Hari Jururawat ini dihadiri oleh tetamu jemputan khas Exco kesihatan dan Pembangunan Sukan Negeri Melaka Datuk Ab Rahaman Ab. Karim dan Timbalannya Datuk Ng Choon, Pengarah Kesihatan Perubatan II, Ketua-Ketua Jabatan dan Unit, dan jururawat dari pelbagai kategori. Seramai 200 orang jururawat telah memeriahkan majlis sambutan Hari Jururawat ini.

Satu seminar motivasi telah diaadakan di sebelah pagi dimana Dr Maimunah Fadzil, Pakar O&G telah dijemput sebagai penceramah. Majlis sambutan Hari Jururawat peringkat JKN diteruskan dengan acara perasmian pada sebelah petang. Majlis ini telah dirasmikan oleh Datuk Ab Rahaman Ab. karim, Exco Kesihatan dan Pembangunan Sukan Negeri Melaka.

APAKAH PENYAKIT
TONSILLITIS

Tonsillitis,
bukan sakit tekak biasa.

JENIS - JENIS TONSILLITIS
- TOSILLITIS AKUT
- TOSILLITIS KRONIK

JIKA anda mengalami sakit tekak luar biasa dan disertai dengan demam anda haruslah berwaspada kerana mungkin anda mengalami keradangan tonsil.

Apa itu tonsil?



Acute tonsillitis : Tonsil kelihatan merah dan bengkak.



Kronik Tonsillitis: Terdapat pengumpulan nanah dibahagian Tonsil.



Peritonsiar Abscess/ Quinsy:

Tonsil adalah kelenjar terletak pada pangkal lidah. Saiznya adalah berbeza-beza mengikut individu. Kelenjar ini akan membengkak sekiranya ada jangkitan kuman yang dipanggil sebagai tonsillitis.

Fungsi kelenjar tonsil.
Tonsil berfungsi sebagai Penghalang kuman dari memasuki tubuh melalui mulut atau saluran pernafasan . Apabila kuman masuk ketubuh melalui rongga mulut, ia akan diperangkap di bahagian tonsil. Kuman tersebut kemudiannya akan dibunuh oleh antibody seperti IgA, IgG, IgM dan IgD yang dihasilkan dari kelenjar itu sendiri. Selain itu kelenjar tonsil juga menghasilkan Interferon, Lymphokines, Complement dan Lysozymes yang mempunyai peranan yang sama iaitu untuk melawan kuman.

Simptom Tonsillitis
Simptom yang berlaku bergantung kepada jenis tonsillitis yang dihadapi,

(A)

Tonsilitis Akut:
- Demam
- Susah untuk menelan makanan kerana sakit bahagian tekak.
- Nafas berbau busuk.
- Bunyi suara yang ganjil.
- Bengkak pada kelenjar tonsil.

(B) Pesakit tonsillitis kronik simptom ini akan berulangan dan terdapat pengempulan nanah pada kelenjar tonsil.

(C) Tonsillitis obstruksi disebabkan pembesaran pada kelenjar tonsil itu sendiri. Ia menyebabkan saluran nafas menjadi sempit dan pesakit kerap berdengkur semasa tidur, Pesakit juga mungkin mengalami masalah terjaga di waktu malam kerana kesukaran bernafas, lesu waktu pagi dan kurang daya tumpuan. Keadaan ini biasanya terjadi di kalangan mereka yang mengalami obesiti.

(D) Peritonsilar abes / kuinsi disebabkan pengumpulan nanah di bahagian atas tonsil. Ianya terjadi pada satu bahagian tonsil sahaja. Ia menyebabkan demam, tidak boleh makan, sukar membuka mulut atau menelan.

Penyebab
Penyebab berlakunya tonsillitis adalah jangkitan kuman pada kelenjar tonsil. Namun bagi tonsillitis obstruksi ia boleh disebabkan oleh pembesaran pada kelenjar tonsil tanpa jangkitan kuman yang biasanya terjadi pada golongan yang mengalami masalah obesiti.

Rawatan
Rawatan yang biasa diberikan bergantung kepada jenis penyakit yang dialami. Tonsilitis Akut akan diberi ubat analgesia, anti pyritik dan kemungkinan antibiotic. Tonsilitis kronik, obstruksi atau kuinsi mungkin memerlukan pembedahan tonsillektomi.

SAMBUTAN HARI TIBI 2015
PERINGKAT HOSPITAL MELAKA





Pada 1 April yang lalu, betempat di Auditorium Sri Baiduri telah diadakan sambutan Hari Tibi Sedunia peringkat Hospital Melaka. Tema tahun ini ialah Reach The3 Million : Reach, Treat, Cure Everyone.Sambutan ini adalah anjuran bersama Klinik Dada, Unit Kesihatan Awam dan Unit Pendidikan Pesakit. Seramai 120 peserta yang terdiri dari pelbagai kategori staf telah hadir memeriahkan majlis.

Objektif sambutan ini ialah meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang penyakit tibi dan pencegahannya,menekankan bahawa penyakit tibi boleh sembuh dengan rawatan yang berkesan, memberi kesedaran pada anggota kesihatan kepentingan amalan standard precaution untuk mengawal penyakit berjangkit. Di antara pengisian program ialah ceramah kesihatan bertajuk Prevention & Screening, Standard Precaution dan Rawatan Tibi & Kepentingan Pendidikan Tibi, pameran kesihatan serta saringan kesihatan di kalangan orang awam dan staf Hospital Melaka.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Dr. Hj Zulkarnain Bin Mohd Rawi, Timbalan Pengarah Perubatan II yang mewakili Pengarah Hospital.

PROGRAM JOM IKRAR 2015
PERINGKAT HOSPITAL MELAKA

Program Jom Ikrar peringkat Hospital Melaka telah diadakan pada 21 dan 22 April 2015 di Auditorium Sri Baiduri. Objektif program ini ialah umtuk memberi pendedahan kepada staf mengenai pendermaan organ selain memahami konsep serta tatacara pendermaan organ, memahami definisi mati otak , memahami dengan jelas mengenai hukum pendermaan organ dari perspektif agama dan menggalakkan staf KKM berikrar sebagai penderma organ.

Program selama 2 hari ini telah berjaya mengumpulkan seramai 220 peserta. Selain aktiviti ceramah, tayangan video berkaitan derma organ juga turut dimuatkan. Di akhir sesi peserta bergambar beramai-ramai bersama-sama kad ikrar yang telah diisi.









KONFERENS KEBANGSAAN
PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN

KONFERENS KEBANGSAAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN 2015

Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia telah menganjurkan Konferens Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan 2015 pada 11-13 Mei bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC).

Buat julung kalinya Negeri Melaka terpilih menganjurkan konferens ini yang mana semua Jawatankuasa Kerja Konferens dipengerusikan oleh Ketua Penyelia Hospital Melaka merangkap Pengerusi Persatuan Pembantu Perubatan Cawangan Melaka.

Tema konferens pada tahun ini adalah "**COMMUNITY HEALTH AT HEART** " dan telah dihadiri seramai 801 Penolong Pegawai Perubatan dari seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang meliputi sektor kerajaan (KKM) dan swasta.

Konferens ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Dr.Seri S.Subramaniam Menteri Kesihatan Malaysia.Turut Hadir Ybhg Datuk Dr. Ghazali Bin Othman selaku Pengarah Kesihatan Negeri Melaka mewakili Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) Ybhg Datuk Dr Dul Hadi Bin Mat Junid, Dr. Abdul Raof Bin Jaafar, Timbalan Pengarah Hospital, semua Pengarah Hospital, Pegawai Kesihatan Daerah Jasin dan Alor Gajah, Ketua -Ketua Jabatan serta dif-dif Jemputan yang lain.

Sepanjang 3 hari konferens berlangsung pelbagai program diadakan iaitu Ucaptama oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia yang disampaikan oleh Ybhg Dato' Dr. Hj. Azman Bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia ..3 Planery, 40 pembentangan kertas kajian oleh PPP, Panel forum "Community At Heart, AMO Where Are You? serta bengkel – Fundoscopy, Maggot Wound Therapy, Demonstrasi CPR, Intubasi dan Automated External Defibrillator (AED).

Bagi meraikan para peserta konferens turut diadakan majlis makan malam yang telah dihadiri oleh tetamu kehormat Yb.Datuk Hj.Ab. Rahaman Bin Hj. Ab. Karim , Exco Kesihatan dan Pembangunan Sukan Melaka yang mewakili Ketua Menteri Melaka, Pengarah Kesihatan Negeri Melaka, Pengarah Hospital Melaka dan diff jemputan yang lain.



Ucaptama Dari
Yb. Datuk Hj. Ab. Rahaman Bin Hj. Ab. Karim,
Exco Kesihatan Dan Pembangunan Sukan Melaka



Majlis Perasmian oleh YB Dato' S.Subramaniam
Menteri Kesihatan Malaysia



Jawtankuasa Induk Konferens PPP

AKTIVITI SUKAN
ANJURAN MAJLIS SUKAN NEGERI MELAKA

Hospital Melaka telah menyertai kejohanan sukan antara Jabatan / Agensi Negeri Melaka (MAKSAK) Kali Ketiga Tahun 2015 yang berlangsung dari 13 hingga 19 april 2015. Pasukan kesihatan Negeri Melaka telah menjadi Naib Johan keseluruhan. Keputusan bagi setiap acara yang disertai adalah seperti berikut :

1. Futsal – Johan
2. Bola Tampar – Naib Johan
3. Badminton – Tempat Ketiga
4. Bowling: Beregu Wanita – JohanBeregu Lelaki – Naib JohanTrio – Tempat Ke-9 VIP – Tempat Ke-9
5. Sepaktakraw – Suku Akhir
6. Bola Sepak – Suku Akhir
7. Ping-pong – Suku Akhir

SKIM PERKESO

BAGAIMANA MEMOHON LAPORAN PERUBATAN UNTUK SKIM PERKESO?

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mempunyai dua skim utama iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Kelatan. Pekerja yang ditimpa bencana dan mempunyai caruman PERKESO adalah layak untuk memohon bantuan skim tersebut. Antara dokumen penting yang diperlukan oleh PERKESO adalah Laporan Perubatan.

Bagaimana tindakan untuk memohon Laporan Perubatan bagi tujuan tuntutan PERKESO?

Tindakan untuk mendapatkan Laporan Perubatan PERKESO adalah seperti berikut:

1. Pemohon perlu membuat laporan bencana terlebih dahulu kepada Pejabat PERKESO yang berdekatan. Pihak PERKESO akan menentukan jenis borang Laporan Perubatan PERKESO mengikut tujuan tuntutan. Jenis Laporan Perubatan PERKESO yang biasa dibuat adalah seperti berikut:

   i. Laporan Perubatan/ Medical Report (BK) untuk tuntutan Faedah Hilang Upaya Kekal.
   ii. Laporan Perubatan Untuk Memohon Pencen Ilat
   iii. Laporan Perubatan Untuk Memohon Penyakit Khidmat

2. Borang PERKESO tersebut perlu dihantar oleh pemohon ke Unit Rekod Perubatan Hospital yang berkaitan iaitu hospital dimana pemohon pernah menerima rawatan atau sedang menerima rawatan susulan.

3. Selain Borang Laporan Perubatan PERKESO, beberapa dokumen lain diperlukan seperti berikut:
   i. Salinan Kad Pengenalan Pemohon
   ii. Salinan Nota Discaj /Discaj Note atau
   iii. Salinan Cuti Sakit atau
   iv. Salinan Kad Temujanji.

4. Surat keizinan asal diperlukan bagi permohonan Laporan Perubatan pihak ketiga.

5. Pemohon perlu membuat bayaran RM40 terlebih dahulu sebelum permohonan tersebut diproses.

Setelah dokumen lengkap, pihak Unit Rekod Perubatan akan memulakan proses penyediaan Laporan Perubatan dan dijangka siap dalam tempoh 28 hari bekerja. Pihak Unit Rekod Perubatan akan menelefon kepada pemohon setelah Laporan Perubatan tersebut siap. Pemohon sendiri akan menghantar laporan tersebut ke PERKESO untuk tindakan pihak PERKESO selanjutnya.

SAMBUTAN MAULIDUL RASUL

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDULRASUL PERINGKAT NEGERI MELAKA.

Pada 4 Januari 2015 Hospital Melaka melalui PPIHM telah menghantar seramai 40 orang kakitangan untuk menyertai Majlis Perararakan Sempena Majlis Sambutan Maulidul Rasul peringkat Negeri Melaka 1346H. Perhimpunan ini bermula pada jam 7.00 pagi dan berarak mengikut giliran kontinjen berjalan kaki dari Stadium Hang Tuah hingga ke Pusat Islam. Perararakan ini turut disertai oleh TYT Melaka, Ketua Menteri Melaka, Barisan Exco Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.

MAJLIS TILAWAH AL QURAN PERINGKAT JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA 2015

Pada tanggal 6 Mei 2015 bertempat didewan perpustakan Negeri Melaka, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah menganjurkan Majlis Tilawah Al Quran Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dengan tema Perpaduan Nadi Transformasi Negara. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Ab. Rahaman Ab. Karim Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Dan Pembangunan Sukan. Seramai 20 orang peserta telah menyertai pertandingan ini, 8 orang Qari dan 12 orang Qariah. Hospital Melaka telah menghantar seramai 10 orang peserta (1 Qari dan 9 Qariah) bagi menyertai pertandingan tersebut. Johan bagi kategori Qari disandang oleh Dr Hafiz Ahamat, Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan Peringgit, Manakala johan bagi kategori Qariah disandang oleh Pn Nor Azizah Yunus, Jururwat Masyarakat, Klinik Kesihatan Sg Udang. Masing-masing membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM 400 beserta piala pusingan dan sijil penyertaan. Johan Qari dan Qariah ini akan mewakili Jabatan Kesihatan Negeri melaka ke pertandingan Tilawah Al Quran Peringkat Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia nanti pada 8 hingga 10 Ogos 2015, bertempat di Dewan Muktamar Pusat Islam Kuala Lumpur.